

# ZOBEN TABLET

Albendazole (200mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zoben Tablet
2. Bagaimana Zoben Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Zoben Tablet
4. Cara pengambilan Zoben Tablet
5. Semasa mengambil Zoben Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zoben Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Zoben Tablet

Zoben Tablet berkesan terhadap cacing benang (*threadworm/pinworm*), cacing gelang (*roundworm*), *whipworm* dan lain-lain.

Zoben Tablet mengandungi albendazole sebagai bahan aktif, yang digunakan untuk membunuh cacing atau parasit dari usus dan tisu lain. Albendazole membunuh cacing dengan menyebabkan mereka kelaparan. Justeru itu, telur, larva dan cacing dewasa akan terjejas.

## Bagaimana Zoben Tablet berfungsi

Albendazole mengubah sel-sel cacing dengan menghalang pengambilan glukosa oleh spesies cacing rentan, dengan demikian penurunan pengambilan glukosa akan secara langsung akan menurunkan tahap tenaga yang diperlukan untuk terus hidup. Oleh kerana pengeluaran tenaga yang berkurangan, parasit tidak bergerak dan akhirnya mati.

## Sebelum mengambil Zoben Tablet

### -Bila tidak boleh diambil

Jangan ambil Zoben Tablet jika anda:

- Anda mempunyai alahan terhadap albendazole atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini. Bahan-bahan tersebut disenaraikan di akhir risalah ini. Antara tanda-tanda tindak balas alergi ialah ruam kulit yang gatal, sesak nafas dan bengkak muka atau lidah.

- Sekiranya anda pernah mengambil albendazole sebelum ini dan tidak sihat disebabkan hal demikian, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil dos pertama.
- anda alah kepada ubat yang serupa dengan albendazole.
- anda mempunyai masalah hati.
- ubat telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada pek
- pembungkusan ubat ini koyak atau menunjukkan tanda-tanda usikan.

### Hamil dan menyusukan bayi

- Jangan gunakan jika anda mengandung atau disyaki mengandung.
- Jangan ambil Zoben Tablet jika anda menyusukan bayi. Ia tidak diketahui sama ada ia akan tersebar ke dalam susu ibu. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil apa-apa ubat sekiranya anda menyusukan anak.

Zoben Tablet tidak disyorkan kepada kanak-kanak di bawah umur 1 tahun.

### -Sebelum anda mula mengambil

Beritahu doktor anda jika:

- anda berhasrat untuk hamil. Kehamilan mesti dielakkan (iaitu dengan mengambil langkah-langkah pencegahan kehamilan yang berkesan) semasa rawatan, dan selama sebulan selepas menghentikan pengambilan Zoben Tablet. Untuk mengelakkan daripada pengambilan Zoben Tablet semasa awal kehamilan, pengambilan Zoben Tablet hanya akan dimulakan pada minggu pertama ketika kedatangan haid atau selepas ujian kehamilan negatif terbukti.
- anda menyusukan bayi. Penyusuan perlu dihentikan sementara ketika pengambilan Zoben Tablet, dan sekurang-kurangnya 5 hari selepas rawatan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat yang lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Zoben Tablet

### -Berapa banyak yang harus digunakan

Ikut dengan teliti segala arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda. Ianya mungkin berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami sebarang arahan yang terkandung pada label, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

Dos biasa untuk orang dewasa dan kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas adalah dua tablet sebagai dos tunggal dan dos biasa kanak-kanak berumur 2 tahun adalah satu tablet sebagai dos tunggal.

Untuk keadaan lain, dos yang ditetapkan oleh doktor anda mungkin berbeza. Anda harus mengambil tablet seperti yang disarankan, dan bukan hanya berhenti apabila anda merasa lebih baik.

### -Bila perlu digunakan

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Zoben Tablet biasanya diambil dalam keadaan perut kosong. Dalam beberapa keadaan, tablet mungkin perlu diambil selepas makanan. Anda akan diberitahu sama ada untuk mengambil tablet dengan makanan atau perut kosong, dan penting untuk anda mengikuti arahan yang ditetapkan.

Zoben Tablet boleh dihancurkan atau dikunyah, ditelan atau campurkan ke dalam makanan. Tidak diperlukan julap atau puasa.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Zoben Tablet seperti yang disyorkan oleh doktor anda.

Tempoh pengambilan Zoben Tablet mungkin berbeza berdasarkan jenis jangkitan. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Doktor mungkin melihat perkembangan anda dua hingga tiga minggu selepas pengambilan dos. Ini adalah untuk memastikan Zoben Tablet berkesan. Dos kedua Zoben Tablet kadangkala

diperlukan. Rawatan mungkin perlu diulang 2 hingga 3 minggu bergantung kepada nasihat daripada doktor atau ahli farmasi untuk jangkitan yang teruk

-Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil dos berlebihan

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda ataupun orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

**Semasa menggunakan Zoben Tablet**

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat sepertimana diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya perlu mendapatkan rawatan lain, pastikan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi dimaklumkan bahawa anda sedang mengambil Zoben Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh lakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Zoben Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu atau mengendalikan jentera*

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini

membuatkan anda merasa sakit, pening atau letih, membuatkan sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan segera hubungi doktor anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Zoben Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan tetapi tidak semestinya semua orang mengalaminya.

Rujuk doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kebanyakan kesan sampingan secara umum adalah terhad kepada gangguan gastrousus (masalah yang berkaitan dengan perut dan usus) seperti sakit abdomen yang sementara, kejang badan dan sakit otot terutamanya pada bahagian bawah dan cirit birit.

Anda harus memberitahu doktor atau ahli farmasi secepat mungkin jika kesan yang disenaraikan di atas atau kesan sampingan lain berlaku semasa atau selepas rawatan dengan Zoben Tablet.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) /Vaccine (AEFI)).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Zoben Tablet**

-Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan tinggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat Lanjut**

-Rupa dan warna produk

Tablet bulat serong berwarna putih ke putih kekuningan, bentuk bintang di satu permukaan dan 'RMB' di permukaan yang lain.

-Bahan-bahan kandungan:

-Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi Albendazole 200mg

-Bahan tidak aktif: *Magnesium Stearate, Sodium Saccharin, Lactose, Povidone, Microcrystalline Cellulose, Colloidal Silicon Dioxide, dan Croscarmellose Sodium*

-Nombor MAL

MAL19970667XZ

**Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

22/5/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)160518/00153